

ASAS PENENTUAN AWAL RAMADHAN DAN SYAWAL DARI SUDUT SYARAK*

Oleh:

Dato' Alim Panglima Haji Mat Jahya bin Haji Hussin
Mufti Kerajaan Negeri Perlis

Pendahuluan

Menurut perspektif Islam, asas penentuan awal Ramadhan dan Syawal disandarkan kepada Al-Quran dan Sunnah yang menerangkan mengenai pergerakan cakerawala seperti matahari, bulan dan bintang bagi penentuan waktu yang disebut *mawaqit*.

Asas penentuan awal bulan hijriah yang digunakan oleh umat Islam khususnya dalam menentukan awal bulan Ramadhan dan Syawal adalah didasarkan kepada pergerakan bulan dan bumi mengelilingi matahari. Ia menjadi asas perhitungan awal bulan dan tahun yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan ibadat puasa dan hari raya puasa.

Al-Quran dan Sunnah memberi panduan kepada kita untuk membuat penentuan awal Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah. Para ulama' telah berbahas dengan panjang lebar berkenaan isu ini di dalam kitab-kitab mereka yang muktabar. Berdasarkan pedoman-pedoman ini, lahirlah tiga amalan yang berbeza dalam menentukan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah dengan kaedah berikut:

- (a) Rukyah (melihat anak bulan)
- (b) Hisab falak (pengiraan)
- (c) Rukyah dan hisab dengan menggunakan kriteria imkanur-rukyah iaitu menggunakan hisab dalam menentukan kebolehnampakan anak bulan (hilal)

Perbezaan amalan dan cara di atas berlaku adalah berpunca daripada perbezaan dalam memahami dan mentafsir maksud ayat-ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan. Malaysia mengamalkan cara penentuan awal bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah dengan rukyah dan hisab berdasarkan kepada kriteria imkanur-rukyah.

Asas Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal Dari Sudut Syarak

Apabila membicarakan tentang asas penentuan awal Ramadhan dan Syawal dari sudut syarak, ia merujuk kepada panduan yang telah diterangkan oleh Allah S.W.T. dan junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. kepada kita iaitu al-Quran, Sunnah dan pandangan ulama'.

* Kertas ini telah dibentang dalam Muzakarah Falak anjuran JAKIM pada 30 Jun – 2 Julai 2003 di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

i- **Dalil-dalil al-Quran**

- a) شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ
وَالْقُرْآنِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ^ط

Maksudnya;

“(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk, dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu sesiapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa...”.

Surah al-Baqarah; 185

- b) وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ آيَاتَيْنِ فَمَحْوِنًا آيَةَ اللَّيْلِ وَجَعَلْنَا آيَةَ النَّهَارِ
مُبْصِرَةً لِّيَتَّبِعُوا فَضْلًا مِّن رَّبِّكُمْ وَلِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابِ^ج
وَكُلَّ شَيْءٍ فَصَّلَنَاهُ تَفْصِيلًا

Maksudnya;

“Dan Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan Kami), maka Kami hapuskan tanda malam itu (sehingga menjadi gelap-gelita), dan Kami jadikan tanda siang itu terang benderang supaya kamu mudah mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhan kamu, dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari); dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agama kamu), Kami telah menerangkannya satu persatu (dalam al-Quran) dengan sejelas-jelasnya”.

Surah al-Israa’; 12

- c) إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ

Maksudnya;

“Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan, (yang telah ditetapkan) dalam Kitab Allah semasa ia menciptakan langit dan bumi...”

Surah al-Taubah; 36

d)
$$\text{الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ بِحُسْبَانٍ}$$

Maksudnya;

“Matahari dan bulan beredar dengan peraturan dan hitungan yang tertentu”.

Surah al-Rahman; 5

e)
$$\begin{aligned} &\text{هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسُ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِيَتَعَلَّمُوا} \\ &\text{عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْآيَاتِ} \\ &\text{لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ} \end{aligned}$$

Maksudnya;

“Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang benderang) dan bulan bercahaya, dan Dialah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-pindah) pada tempat-tempat peredarannya (masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya)”.

Surah Yunus; 5

f)
$$\text{وَعَلَّمَنَّاهُمْ وَأَبَّغَيْنَاهُمْ فِي سُبْحَانَ رَبِّهِمْ لَعَلَّهُمْ يَهْتَدُونَ}$$

Maksudnya;

“Dan (Dia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju”.

Surah al-Nahl; 16

g) **وَلَقَدْ جَعَلْنَا فِي السَّمَاءِ بُرُوجًا وَزَيَّنَّاهَا لِلنَّاظِرِينَ**

Maksudnya;

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah menjadikan di langit bintang-bintang (yang berbagai bentuk dan keadaan) serta Kami hiasi langit itu bagi orang yang melihatnya”.

Surah al-Hijr; 16

ii. **Dalil hadis Rasulullah s.a.w.**

a) **عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : (صَوْمُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ فَإِنَّ عُمِّيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا الْعِدَّةَ)**
(رواه مسلم)

Maksudnya;

Daripada Abi Hurairah r.a. berkata bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda; “Berpuasalah kamu kerana melihat hilal dan berbukalah kamu (berhari raya) kerana melihat hilal. Apabila hilal terlindung awan daripada pandangan kamu, maka sempurnakanlah bulan tersebut (tiga puluh hari)”.

(Riwayat Imam Muslim)

b) **عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (إِذَا رَأَيْتُمُ الْهَيْلَالَ فَصَوْمُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا فَإِنَّ عُمَّ عَلَيْكُمْ فَصَوْمُوا ثَلَاثِينَ يَوْمًا)**
(رواه مسلم)

Maksudnya;

Daripada Abi Hurairah r.a. berkata bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda; “Apabila kamu sekalian melihat hilal, maka berpuasalah. Dan apabila kamu sekalian melihat hilal, maka berbukalah (berhari raya). Apabila hilal terlindung daripada pandangan kamu, maka berpuasalah tiga puluh hari”.

(Riwayat Imam Muslim)

c) **صَوْمُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ فَإِنْ حَالَ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُ سَحَابٌ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ**
(رواه أحمد بن حنبل)

Maksudnya;

“Berpuasalah kamu sekalian kerana melihat hilal dan berbukalah kamu sekalian (berhari raya) kerana melihat hilal. Apabila hilal terhalang oleh awan daripada pandangan kamu, maka sempurnakanlah bilangan bulan Syaaban tiga puluh (hari)”.

(Riwayat Imam Ahmad bin Hanbal)

- له
- d) إِذَا رَأَيْتُمُ الْهَيْلَالَ فَصُومُوا وَإِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَأَفْطِرُوا فَإِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا
(رواه مسلم)

Maksudnya;

“Apabila kamu melihat hilal, maka berpuasalah dan apabila kamu melihat hilal, maka berbukalah (berhari raya). Apabila hilal itu terlindung daripada pandangan kamu, maka takdirkanlah (hisab) ia”.

(Riwayat Imam Muslim)

iii. **Pendapat Ulama’ Daripada Kitab-Kitab Muktabar**

- a) وَقَدْ اتَّفَقَ عُلَمَانَا عَلَى أَنْ الْتِمَاسَ هَيْلَالِ رَمَضَانَ فَرَضٌ كَفَايَةٌ.
(كتاب إرشاد أهل الملة إلى إثبات الأهلة: 99)

Maksudnya;

“Dan ulama’ kita telah bersepakat bahawa merukyah hilal Ramadhan itu fardhu kifayah”.

(Kitab Irsyad Ahlil Millah Ila Isbat al-Ahillah m.s. 99)

- b) لَكِنْ يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يَعْمَلَ فِي حِسَابِهِ وَكَذَلِكَ مِنْ صَدَقِهِ.
(كاشفة السجا: 109)

Maksudnya;

“...Akan tetapi wajib ke atas ahli hisab mengamalkan ilmu hisabnya, demikian pula orang yang membenarkannya”.

(Kasyifah al-Saja m.s. 109)

وروي عن بعض السلف أنه إذا أغمي الهلال رجع إلى الحساب بمسير القمر والشمس وهو
c) مذهب مطرف بن الشخير وهو من كبار التابعين، وحكى ابن سريج عن الشافعي أنه
قال:

من كان مذهبه الاستدلال بالنجوم ومنازل القمر ثم تبين له من جهة الاستدلال أن الهلال
مرئي وقد غم فإن له أن يعقد الصوم ويجزيه.
(بداية المجتهد ونهاية المقتصد : 242)

Maksudnya;

“Apabila hilal ditutupi awan, maka ia kembali kepada hisab yang berdasarkan perjalanan bulan dan matahari, itulah mazhab Mutarrif bin al-Syakhir, beliau termasuk ulama’ besar tabiin dan Ibnu Suraij bercerita dari Imam Syafi’i bahawa Imam Syafi’i berkata; orang yang mazhabnya itu mengambil pedoman dengan bintang-bintang dan kedudukan bulan kemudian jelas baginya menurut dalil tersebut bahawa bulan telah boleh dilihat tetapi terlindung oleh awan, maka orang tersebut boleh melaksanakan puasa dan memadailah baginya”.

(Kitab Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid, juzuk pertama m.s. 242)

d) ويعمل الحاسب بحسابه سواء قطع بوجود الهلال ورؤيته أو بوجوده
ووجوده وجواز رؤيته وامتناع رؤيته أو
(شرقاوي أول: 419)

Maksudnya;

“Ahli hisab mengamalkan ilmu hisabnya sama ada dengan kelihatan hilal atau dengan wujudnya hilal yang tidak boleh kelihatan atau dengan wujudnya hilal yang mungkin boleh dilihat”.

(Kitab Syarqawi, juzuk pertama m.s. 419)

e) ينبغي فيما لو دل الحساب القطعي على وجوده بعد الغروب بحيث تتأتى رؤيته
لكن لم توجد بالفعل أن يكفي ذلك.
(قال ابن القاسم العبادي على التحفة)

Maksudnya;

“Seharusnya apabila hisab qat’i telah menunjukkan wujudnya hilal setelah terbenam matahari sekira-kira boleh dilihat tetapi tidak kelihatan, maka yang demikian itu sudah memadai (menggunakan hisab)”.

(Kitab *al-Tuhfah* pendapat Ibn al-Qasim al-Ubadi)

وإذا دل الحساب على أن الهلال قد طلع من الأفق على وجه يرى لولا وجود المانع كالغيم مثلا
f)
فهذا يقتضي الوجوب لوجود السبب الشرعي.

(قاله/التشيري)

Maksudnya;

“Dan apabila hisab menunjukkan hilal ada di atas ufuk yang biasanya dapat dilihat kalau tidak ada penghalang seperti mendung, maka ini menunjukkan wajib berpuasa kerana ada sebab syar’i”.

(Kitab *Syarqawi* pendapat al-Qusyairi)

Penentuan Awal Ramadhan Dan Syawal Menurut Empat Mazhab

Terdapat perbezaan pendapat antara fuqaha’ mengenai cara penentuan awal Ramadhan dan Syawal iaitu seperti berikut:

i. Mazhab Hanafi

Ulama’ Mazhab Hanafi berpendapat bagi bulan Ramadhan, kenampakan anak bulan ketika cuaca terang hendaklah disaksikan oleh sekumpulan ramai dan salah seorang hendaklah menyebut " أشهد ".

Sekiranya keadaan cuaca mendung, kabus atau seumpamanya, memadai diterima kesaksian seorang muslim, baligh, berakal dan adil. Kesaksian dilakukan di hadapan seorang hakim dan tidak disyaratkan menyebut " أشهد ".

ii. Mazhab Maliki

Ulama’ Mazhab Maliki berpendapat diterima kesaksian anak bulan Ramadhan dengan tiga cara rukyah:

a- Melalui penyaksian sekurang-kurangnya dua orang yang adil.

Orang yang adil ialah lelaki merdeka, baligh, berakal dan tidak pernah melakukan dosa besar serta tidak berterusan dalam melakukan dosa kecil

juga tidak melakukan perkara yang mencacatkan maruah. Tidak disyaratkan dalam memberi keterangan oleh dua orang adil tersebut menggunakan lafaz "أشهد".

- b- Melalui penyaksian orang ramai dan mereka tidak mungkin bersepakat untuk berdusta. Tidak disyaratkan kesemuanya lelaki sahaja.
 - c- Melalui seorang saksi yang adil dengan itu bolehlah puasa bagi dirinya sendiri atau mereka yang mengetahuinya.
- iii. Mazhab Syafi'i

Ulama' Mazhab Syafi'i berpendapat diterima penyaksian kelihatan anak bulan Ramadhan sama ada dalam keadaan langit cerah ataupun mendung memadai oleh seorang muslim, baligh, berakal, merdeka, lelaki yang adil dan dipersaksikan dengan perkataan "أشهد". Sebaliknya tidak diterima penyaksian orang fasiq, kanak-kanak, gila, hamba dan seorang perempuan .

- iv. Mazhab Hanbali

Menurut ulama' Mazhab Hanbali penyaksian bulan Ramadhan memadai diterima daripada seorang *mukallaf* yang adil pada zahir dan batin sama ada lelaki mahupun perempuan, merdeka atau seorang hamba. Tidak diterima penyaksian oleh kanak-kanak ataupun seseorang yang tidak diketahui latarbelakang. Tidak disyaratkan menyebut "أشهد".

Kesimpulan

Berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadis dan pendapat ulama' serta kajian astronomi moden, kaedah rukyah dan hisab sesuai dilaksanakan di Malaysia kerana menepati kehendak syarak.